

Perkembangan teknologi maklumat yang pesat di Malaysia telah mendorong kepada kemajuan ekonomi Malaysia secara langsungnya. Perkembangan ini telah menggalakkan individu mahupun syarikat menggunakan internet sebagai medium perniagaan mereka atau lebih dikenali dengan panggilan e-Dagang. Berdasarkan "*Guideline on Taxation of Electronic Commerce Transactions*", e-Dagang ditakrifkan sebagai sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi rangkaian elektronik, termasuk aktiviti pemberian maklumat, promosi, pemasaran, pembekalan atau penghantaran barangan atau perkhidmatan, meskipun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi ini mungkin dijalankan di luar talian.

Secara umumnya, layanan cukai ke atas perniagaan e-Dagang adalah sama dengan layanan cukai bagi perniagaan konvensional. Ini bermaksud, pendapatan yang diperolehi dari perniagaan e-Dagang dikenakan cukai di Malaysia. Soalan dan jawapan di bawah diharapkan dapat memberi penjelasan yang secukupnya tentang percukaian dan e-Dagang.

1. SOALAN: Adakah kesemua perniagaan Internet dikenakan cukai?

JAWAPAN:

- Perniagaan melalui internet sama sahaja seperti perniagaan biasa atau konvensional. Pendapatan yang diterima dari perniagaan internet ini boleh dikenakan cukai seperti yang termaktub dibawah seksyen 4 Akta Cukai Pendapatan 1967. Bagi perniagaan internet ini, pendapatan yang diterima oleh pemilik laman web layak dikenakan cukai walaupun pendapatan tersebut diterima dari luar Negara. Contohnya bayaran jualan barang kepada pembeli dari negara lain, bayaran pengiklanan dari Google Adsense, pendapatan forex , dropshipper dan lain-lain.

2. **SOALAN: Adakah pedagang internet ini layak menuntut tolakan atas perbelanjaan yang telah dilakukan? Apakah perbelanjaan yang boleh ditolak daripada pendapatan perniagaan internet?**

JAWAPAN:

- Pedagang internet adalah sama seperti peniaga biasa dan layak menuntut tolakan perbelanjaan seperti perniagaan yang lain. Walau bagaimanapun ia tertakluk kepada perbelanjaan yang dibenarkan di bawah peruntukkan ACP 1967.
- Bagi pedagang internet ini, perbelanjaan lain yang boleh dituntut adalah seperti bayaran pembaharuan (renewal) nama domain, bayaran sewa server, bayaran bulanan talian internet, bayaran sewaan web hosting, bayaran pos penghantaran dan lain-lain yang berkaitan.
- Mereka juga boleh menuntut elaun modal ke atas perbelanjaan modal misalnya komputer dan perisian
- Memandangkan perniagaan internet ini kebanyakannya dijalankan di rumah kediaman, pedagang internet juga boleh menuntut perbelanjaan utiliti seperti bil elektrik, bil telefon dan lain-lain. Walaubagaimanapun perbelanjaan utiliti ini tidaklah diberikan sepenuhnya memandangkan perbelanjaan yang dilakukan tersebut termasuk bagi kegunaan peribadi.
- Kesemua perbelanjaan yang dituntut ini hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan iaitu resit-resit, invois belian, perjanjian sewa beli dan lain-lain. Dokumen-dokumen sokongan ini hendaklah disimpan selama 7 tahun.

3. **SOALAN:** Selain dari perbelanjaan yang disebutkan sebentar tadi, adakah Pedagang internet juga memperolehi insentif atau potongan-potongan lain?

JAWAPAN:

- Bagi syarikat yang diberikan status MSC (Multimedia Super Corridor), jika mereka memperkenalkan produk baru teknologi maklumat, mereka boleh memohon taraf perintis dimana syarikat tersebut akan dikecualikan cukai selama 10 tahun.
- Pedagang-pedagang internet juga turut layak menuntut pelepasan yang terdapat didalam borang cukai pendapatan seperti pelepasan diri, anak, insuran, KWSP dan lain-lain. Walaubagaimanapun, dokumen-dokumen sokongan juga perlu ada dan ia juga perlu disimpan selama 7 tahun.

4. **SOALAN:** Boleh jelaskan bagaimanakah cara pedagang internet boleh melaporkan pendapatan yang diterimanya?

JAWAPAN:

- Perkara asas sekali Pedagang internet perlu ada nombor Rujukan Cukai samada fail SG (Salary Gain), OG (other gain) atau C (Company). Bagi pembayar cukai yang menjalankan perniagaan internet, mereka boleh melaporkan pendapatan tersebut dengan menggunakan borang OG atau C samada diisi secara manual(pengisian borang) ataupun menggunakan e-Filing. Jika sekiranya pedagang internet tersebut memiliki fail SG, mereka boleh memohon kepada LHDNM untuk menukarkan fail SG tersebut kepada fail OG.

5. SOALAN: Bagaimana pula jika sekiranya pedagang internet tidak mempunyai fail cukai ?

JAWAPAN:

➤ Bagi pedagang internet yang tidak mempunyai fail cukai, mereka boleh memohon fail cukai tersebut di cawangan LHDN yang berdekatan dengan kediaman atau pejabat mereka. Untuk memohon fail cukai ini beberapa dokumen perlu disediakan :

1) Kad Pengenalan (Kad pengenalan baharu, tentera, polis atau passport)

2) Sijil Pendaftaran Perniagaan

3) Bagi syarikat pula Borang 9 dan Borang 49 (Suruhanjaya Syarikat Malaysia)

➤ LHDNM juga turut menyediakan kemudahan pendaftaran melalui online yang diberi nama e-Daftar. Kemudahan pendaftaran online ini boleh diakses menerusi portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

6. SOALAN: Jika peniaga internet tersebut tidak mempunyai laman web dan hanya menjual barang-barangnya menerusi laman web orang lain contohnya seperti mudah, lelong, ebay dan lain-lain, adakah mereka masih perlu melaporkan pendapatan mereka?

JAWAPAN:

➤ Ya, mereka perlu melaporkan pendapatan tersebut seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 77(1) Akta Cukai pendapatan 1967.

7. **SOALAN: Bilakah tarikh terakhir pengemukaan borang cukai pendapatan bagi pedagang internet.**

JAWAPAN:

- Tarikh akhir pengemukaan borang cukai pendapatan bagi pedagang internet adalah sama seperti pembayar-pembayar cukai lain iaitu sebelum 30 Jun setiap tahun.

8. **SOALAN: Jika pedagang internet gagal mengemukakan borang cukai pendapatan mengikut tarikh yang ditetapkan oleh LHDNM, apakah implikasi yang akan dihadapi oleh pedagang Internet tersebut?**

JAWAPAN:

- Di bawah **subseksyen 112(1) ACP** seorang (*a person*) yang gagal mengemukakan Borang Nyata pada tarikh yang ditetapkan mengikut **subseksyen 77(1) ACP** atau **subseksyen 77A(1)**, atau gagal memberi notis pengenaan cukai di bawah **subseksyen 77(3) ACP** tanpa alasan yang munasabah, telah melakukan satu kesalahan. Jika disabitkan, ia akan dikenakan denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak lebih daripada RM2000 atau dipenjara bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

9. **SOALAN: Adakah LHDNM mengeluarkan sebarang panduan atau nota berkaitan percukaian e-Dagang kepada umum?**

JAWAPAN:

- Pada 1 Oktober 2013, LHDNM telah mengeluarkan satu garis panduan berkaitan e-Dagang yang bertajuk "***Garis Panduan Percukaian Perdagangan Elektronik***". Garis Panduan ini boleh dilihat dan dimuat turun dari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.